

Apa LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Biar doktor anda tahu jika anda menghadapi penyakit-penyakit lain, seperti masalah jantung atau tekanan darah tinggi. Tiroksin mungkin boleh diberikan dalam dos yang lebih rendah untuk mencegah kesan sampingan daripada berlaku. Jika anda ada kencing manis, anda mungkin perlu meningkatkan dos insulin atau ubat anti-kencing manis oral.

Biar doktor anda tahu jika anda sedang ambil ubat-ubat lain, terutamanya warfarin, ubat anti-sawan dan pill pencegah hamil. Periksa dengan doktor atau ahli farmasi sebelum ambil apa-apa bahan tambahan untuk kesihatan.

Biar doktor anda tahu jika anda merancang untuk hamil.

Bagaimana saya harus MENYIMPAN ubat?

Simpan ubat di dalam bekas asal di tempat yang dingin dan kering. Lindung daripada kelembapan, haba dan cahaya matahari secara langsung.



Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

Risalah Maklumat Untuk Pesakit



Tiroksin Natrium (Thyroxine Sodium)

M62R0

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak

MENGENAI ubat anda

Doktor anda telah memberikan anda tablet tiroksin natrium kepada anda. Tiroksin merupakan hormon utama yang dihasilkan oleh kelenjar tiroid. Ia memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan kebanyakan fungsi-fungsi metabolik badan.

Hipotiroidism merupakan keadaan sebagai akibat daripada penghasilan tiroksin yang lebih rendah daripada biasa oleh kelenjar tiroid hasil daripada kelenjar yang kurang aktif secara semulajadi, atau disebabkan oleh seseorang yang sedang menerima rawatan radio-iodin, atau disebabkan oleh pemindahan kelenjar yang terlalu aktif melalui pembedahan. Tiroksin *menggantikan* kekurangan yang wujud dalam keadaan ini serta mengembalikan aktiviti metabolik kepada biasa.

BAGAIMANA cara saya mengambil ubat?

Tiroksin mempunyai jangka masa tindakan yang sangat panjang dan diambil satu kali sehari, biasanya pada waktu pagi, setengah jam sebelum sarapan pagi.

Dos tiroksin yang diperlukan mungkin berbeza daripada satu pesakit kepada pesakit lain. Ini ditentukan dengan pemeriksaan darah mudah yang boleh membenarkan doktor untuk menyelaraskan dos mengikut keperluan.

Untuk kebanyakan pesakit, dos yang diperlukan adalah di antara 50 mikrogram hingga 200 mikrogram setiap hari. Anda mungkin akan mula dengan dos yang lebih rendah pada mulanya (serendah 25 mikrogram setiap hari di kalangan pesakit tua serta bagi mereka yang mempunyai penyakit jantung seperti angina), dos kemudian mungkin ditambahkan

Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

secara perlahan-lahan seperti yang diperlukan untuk mengurangkan kesan-kesan sampingan.

Apa yang patut saya buat jika SAYA TERLUPA makan satu dos?

Jika anda lupa ambil satu dos, ambil dos ini dengan serta-merta sebaik sahaja anda ingat. Bagaimanapun, jika sudah sampai masa untuk dos yang berikutnya, terus biarkan sahaja dos yang lupa ambil dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual waktu ambil ubat. Jangan gandakan dos demi untuk menggantikan dos yang lupa makan itu.

Apakah KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN pengambilan ubat ini?

Memandangkan tiroksin merupakan rawatan *penggantian*, hanya sedikit kesan sampingan sahaja dijangka akan berlaku dengan syarat dos telah diselaraskan dengan betul mengikut keperluan anda.

Apabila dos harian melebihi apa yang diperlukan sebenarnya, anda mungkin mengalami debaran jantung dan sakit dada (terutamanya bagi mereka yang ada penyakit jantung), kejang otot, berpeluh, getar, cirit-birit, kegelisahan, insomnia dan sakit kepala. Beritahu doktor anda dengan serta-merta jika anda mempunyai apa-apa gejala yang disenaraikan di atas atau apa-apa simptom lain yang luar biasa. Bagaimanapun, masalah seperti ini juga biasanya hilang apabila dos tiroksin dikurangkan atau dihentikan.

Kadang-kala, pesakit mungkin mengalami reaksi alergi seperti ruam kulit, gatal dan bengkak.

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak